

# Perlu berani tegak keadilan

DAHULU kala, suara-suara mahasiswa kurang menonjol kerana kurangnya perhatian daripada media massa.

Hari ini, semangat anak muda mempengaruhi jiwa-jiwa anak muda ibarat bom jangka, yang mampu meletup bila-bila masa sahaja.

Menurut Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (YDP MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Abdul Muiz Abdul Hakim, senario perjuangan mahasiswa dulu, kini sangat berbeza. Perjuangan sekitar 60-an dan 70-an tidak dibataskan perkara atau akta menghalang pergerakan secara terbuka.

Katanya, mahasiswa dahulu bergerak lebih luas dan aktif dalam kampus kerana tiada kekangan yang jelas dari segi undang-undang. Namun, pada hari ini Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 telah dilaksanakan di setiap institusi pengajian tinggi di Malaysia. Sejak dilaksanakan AUKU, pergerakan mahasiswa lebih terbatas menyebabkan mahasiswa pada hari

ini agak lemah dari segi menyuarakan hak kerana risau dikenakan tindakan.

Semua individu mempunyai hak kebebasan bersuara begitu juga mahasiswa.

Nilai sebenar kebebasan bersuara bagi mahasiswa adalah apabila tidak disekat hak menyatakan pendirian dalam isu kebajikan pelajar.

"Realiti dalam sesebuah kampus, pasti akan berlaku masalah berkaitan pelajar terutama melibatkan kebajikan, nilai sebuah kebebasan bersuara apabila mahasiswa juga diberikan ruang untuk menyatakan pendapat tentang beberapa isu sensitif melibatkan isu semasa rakyat, nasional dan juga politik.

"Malah, seboleh-bolehnya, mahasiswa tidak perlu disekat untuk membawa tokoh-tokoh luar yang agak pakar dalam sesuatu bidang walaupun tokoh tersebut kontroversi.

"Jika mahasiswa lantang bersuara menegakkan amar makruf nahi mungkar, dia tidak sepatutnya dikenakan tindakan tetapi perlu mencari alternatif terbaik menyelesaikan masalah," katanya.



**ABDUL MUIZ**